

**KOMPETENSI GURU DALAM MEMBENTUK SAHSIAH PELAJAR SEKOLAH**

**\*Yakcop Jantan  
Chua Yan Piaw**

Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya  
\*yakcopj@gmail.com

**ABSTRACT**

This study aims to identify teachers' competency in developing students' personality. Two hundred and ninety seven form four students randomly selected from six schools in Kuala Lumpur to participate in this study. Survey questionnaires were used to collect quantitative data. The Cronbach's Alpha reliability for the instruments in this study was .947. Pearson correlation test indicates that there is a significant relationship between the score of teacher's competency and the score of students' personality development. Results of multiple linear regression analysis show that teaching commitment is the most important factor ( $\beta = .65$ , large effect) of teachers competency in developing students' personality. Teachers' skills in developing students' personality ( $\beta = .59$ ) and teachers as a facilitator ( $\beta = .57$ ) and teachers' skills in enhancing students' motivation ( $\beta = .36$ ) has moderate effect on developing students' personality. This study shows the importance of a teacher to enhance his or her competency in developing students' personality.

**Keywords:** *Teachers competency, student personality development, teaching commitment, secondary school*

**PENGENALAN**

Kini, peranan guru sekolah semakin mencabar. Hal tersebut kerana tuntutan dalam kalangan ibu bapa lebih tertumpu ke arah mencapai kecemerlangan akademik anak masing-masing. Amlah Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud dan Abd. Aziz Mahyuddin (2010) menegaskan bahawa ibu bapa hari ini meletakkan kejayaan pelajar amat bergantung kepada akademik semata-mata dan faktor ini telah diterima pula sebagai penanda aras kepada pencapaian dan kecemerlangan masa depan seseorang pelajar. Implikasinya, sistem pendidikan lebih terdorong ke arah berorientasikan peperiksaan daripada membentuk kecemerlangan pelajar secara holistik seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (Hussein, 2008).

Jadi, di mana silapnya apabila berlaku masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar? Lebih merumitkan lagi masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar hari ini tidak lagi berkisar sekitar soal ponteng sekolah, ancam murid atau pun datang lewat semata-mata (James Ang, 2007) tetapi masalah salah laku disiplin hari ini jauh lebih serius dan membimbangkan (Mohd.Ismail, 2006).

Banyak kejadian masalah salah laku disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar yang boleh dijadikan petunjuk tentang kekalutan ini. Antaranya, pada tahun 2004 pernah berlaku di mana 200 buah sekolah telah disenarai hitam oleh pihak polis berikutan penglibatan 100,000 orang murid dalam pelbagai kes salah laku disiplin dan jenayah. Sekolah-sekolah yang terlibat meliputi sekolah rendah, sekolah menengah, Sekolah Jenis Kebangsaan China, malah sekolah berasrama penuh dan sekolah

agama juga terlibat (Mohd. Ismail, 2006). Masalah yang sama juga pernah berlaku dalam kalangan pelajar sekolah elit seperti yang berlaku ke atas lapan orang pelajar tingkatan lima telah disingkir dari Kolej Melayu Kuala Kangsar dan kejadian membuli ke atas pelajar junior di Sekolah Tunku Abdul Rahman (Samat, 2004) dan yang paling malang ialah tentang kejadian yang menimpa ke atas seorang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama Datuk Kelana Petra Maamor, Ampangan, Negeri Sembilan pada 28 Mac 2004 (Noor Khairiyati, 2005; Mohammad Aziz Shah, 2013)

## PERNYATAAN MASALAH

Akibat daripada kurangnya tumpuan pembentukan pelajar secara holistik seperti yang termaktub dalam falsafah pendidikan Negara (Hussein, 2008) dan ditambah pula dengan pelaksanaannya yang dilakukan secara sambil lewa kerana pihak sekolah terlalu memberi penekanan kepada pencapaian akademik pelajar (Robiah, 2011) telah menyebabkan berlakunya masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar sekolah. Kepincangan ini telah menyebabkan masyarakat menuding jari kepada pihak sekolah (Shaharom, 2004), seolah-olah memperlihatkan guru tidak memainkan peranan dalam membentuk sahsiah pelajar di sekolah. Oleh itu, satu kajian perlu dibuat untuk menjawab apakah peranan guru dalam mengekang masalah ini.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan kompetensi guru (kemahiran membentuk sahsiah pelajar, guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP, komitmen guru mengajar dalam proses PdP dan peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP) dalam membentuk sahsiah pelajar.

## SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan kajian di bawah:

1. Apakah tahap komponen-komponen kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar?
2. Adakah terdapat perhubungan antara kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar?
3. Adakah terdapat inter-korelasi antara kompetensi guru dengan keempat-empat komponennya?
4. Apakah sumbangan keempat-empat komponennya terhadap kompetensi guru.

## KAJIAN LITERATUR

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 menetapkan salah satu hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia ialah untuk membentuk pelajar yang memiliki penampilan yang unggul bagi mendukung cita-cita negara. Oleh itu, menjadi tanggungjawab guru membantu pelajar membentuk identiti mereka yang sedang melalui proses keremajaan agar masa depan seseorang pelajar itu akan berada dalam kedudukan sebaik mungkin (Hamidah dan Normah, 2009) maka peranan kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar merupakan perkara terpenting untuk mencapai matlamat ini terutama dalam era yang serba mencabar ini.

### **Kemahiran guru membentuk sahsiah pelajar**

Menurut Zahorcova, E., Klierova, M., Podaril, M., dan Hrmo, R. (2012), kompetensi guru adalah pelbagai iaitu dari berkemahiran dalam bidang mata pelajaran hinggalah ke bidang ICT serta sosio budaya. Ee (1998) pula menjelaskan guru juga mempunyai kemahiran tertentu seperti keupayaan menyampaikan pengajaran dengan berkesan, menyediakan aktiviti yang menarik, berkemahiran memotivasikan dan minat pelajar, serta berkemahiran menguruskan disiplin pelajar. Selain itu, guru juga berperanan sebagai *role model* kepada pelajarnya (Harden dan Crosby (2000).

Sesuai dengan kompetensi yang ada pada seseorang guru, Roziah Sidek, Zulkarnain Mohamed dan Nasruddin Yunos (2011) menegaskan guru memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah pelajar dengan mempertingkatkan kefahaman dan amalan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar kerana asas pendidikan merupakan pembentukan sahsiah manusia.

### **Guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP**

Menurut Galajda (2012) sebagai pemudahcara guru bukan lagi orang utama dalam proses pembelajaran sebaliknya menjadi sebahagian daripada anggota yang mewujudkan bilik darjah yang kondusif. Untuk itu, guru perlu memainkan peranan sebagai penggerak dan pembimbing kepada kumpulannya, mewujudkan suasana perbincangan yang menggalakkan dan berjalan lancar, menyediakan maklumat bila perlu dan bertindak sebagai *role model* kepada ahlinya (Zuraidah, 2005). Dalam membantu ahlinya, proses pertukaran idea berasaskan keilmuan akan berlaku di samping membantu ahlinya menyelesaikan masalah yang dihadapi (Ortquist-Ahrens dan Torosyan (t.t). Oleh itu, guru berperanan mempermudah pelajarannya dalam proses PdP secara berkesan.

### **Komitmen guru mengajar dalam proses PdP**

Fox (1964) menjelaskan guru yang komited merupakan guru yang mempunyai keperibadian yang konsisten dengan falsafah pendidikan dan keperibadian ini sentiasa seragam iaitu sentiasa ingin menjadi guru yang baik, ingin mempertingkatkan ilmu agar dapat mengembangkan keinginan intelek pelajar serta dapat mewujudkan sikap keterujaan pelajar untuk belajar, menerima pelajar seadanya tanpa membeza-membedakan antara seorang dengan yang lain serta berusaha memberikan didikan semampunya dan memenuhi tanggungjawab professional kepada semua pihak berkepentingan. Menurut Fox (1964) lagi, mengajar bukan boleh dibuat sambil lewa. Oleh itu, dalam proses mengajar, guru perlu meletakkan sepenuh jiwanya terhadap pelajar mereka, mata pelajaran yang diajar dan langkah-langkah untuk bersama dengan pelajarannya (Palmer dan Scribner 2007).

Menurut Mart (2013) guru yang komited biasanya menunjukkan sikap merasa bangga terhadap sekolahnya, mempunyai kecenderungan untuk bekerja bersungguh-sungguh dan amat berminat untuk memajukan sekolahnya.

Meyer dan Allen (1991) membahagikan komitmen tiga bentuk iaitu komitmen afektif (keinginan), komitmen berkeperluan dan komitmen normatif (obligasi). Komitmen afektif bermaksud perasaan seseorang pekerja yang berkaitan dengan emosi, ikatan dan penglibatan dengan organisasinya. Seseorang pekerja yang mempunyai komitmen afektif yang kuat akan membawa kepada keinginannya untuk melakukan kerjanya kerana mereka ingin terus berkhidmat dengan organisasinya itu. Manakala komitmen berasaskan keperluan bererti kesedaran seseorang tentang kos yang ditanggung apabila seseorang itu meninggalkan perkhidmatannya di organisasinya. Apabila seseorang itu kekal dalam organisasinya kerana mereka perlukan organisasi itu. Sementara komitmen normatif bermaksud obligasi seseorang pekerja untuk terus berkhidmat di organisasi berkenaan.

Penjelasan oleh Meyer dan Allen (1991) memberi petunjuk bahawa ketiga-tiga komitmen ini mengikat pekerja untuk terus meneruskan melaksanakan tugas dan peranan dengan penuh tanggung jawab berdasarkan kepada salah satu komitmen yang mereka miliki atau pun gabungan daripadanya.

### **Peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP**

Peranan guru memotivasikan pelajar adalah penting kerana pelajar lebih mudah menerima pelajaran, membuatkan pelajar teruja untuk belajar serta dapat memupuk sikap ingin belajar yang lebih baik

(Rubio, 2009). Oleh itu, guru yang berkesan merupakan guru yang berusaha memotivasikan pelajarannya dan melibatkan diri dalam pembelajaran pelajar (Rubio, 2009). Dailey (2009) menjelaskan motivasi merupakan faktor terpenting seseorang untuk belajar. Sehubungan dengan itu, Dailey (2009) mengketengahkan empat faktor utama memotivasikan seseorang dalam pembelajaran iaitu kesediaan guru untuk bersama dalam kelompok pembelajaran berkenaan, mewujudkan keseronokan untuk belajar, mewujudkan suasana yang berbentuk *instrumental* seperti seseorang kelihatan cangguh, terpelajar dan seiring dengan kemajuan global dan memenuhi tuntutan faktor luaran seperti memenuhi kehendak ibu bapa, untuk mendapatkan sesuatu ganjaran ataupun mengejar sesuatu matlamat.

Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, faktor asas untuk membentuk sahsiah pelajar di peringkat sekolah bermula daripada guru. Oleh itu, hanya guru yang bermotivasi akan mampu memotivasikan pelajarannya.

Kesimpulannya, guru perlu bertindak sebagai penjaga; model dan mentor; mencipta komuniti moral; mengamalkan disiplin moral; membina budaya moral dalam kalangan pelajar sekolah di samping menjadikan ibu bapa pelajar sebagai rakan kongsi agar sahsiah pelajar dapat disemai; dibentuk dan sekali gus dapat membina masyarakat yang mempunyai moral, sosial dan kerohanian yang tinggi (Mohamad Khairi dan Asmawati, 2010).

## **METHODOLOGI**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah deskriptif dan korelasi.

### **Populasi dan sampel kajian**

Populasi merupakan set keseluruhan bagi sesuatu tumpuan kajian (Shaughnessy dan Zechmeister, 1990). Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat dari enam buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL). Seramai 297 orang pelajar dipilih secara rawak daripada populasi sebagai sampel kajian berdasarkan pandangan Krejcie dan Morgan (1970).

### **Instrumen kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik dalam mengumpul data penyelidikan. Instrumen kajian bagi penyelidikan ini merupakan instrumen yang dibentuk berpandukan kepada kaedah pembentukan instrumen DeVellis (2003) dan dibentuk berdasarkan kepada objektif dan soalan kajian. Instrumen ini menggunakan skala nisbah 0 hingga 10. Skala 0 ialah 'sangat tidak setuju' merupakan skala yang paling rendah dalam skala selanjut ini manakala skala 10 ialah 'sangat setuju' merupakan skala yang paling tinggi (Cohen, et al., 2011).

### **Kajian Rintis**

Deraf instrumen telah disaring kesahan kandungannya oleh sekumpulan empat orang pakar (DeVellis, 2003) dan diuji melalui kajian rintis (Cohen, Manon, dan Morrison, 2011). Kajian rintis ini dilakukan di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur dan sekolah ini bukan dari kalangan sekolah yang terlibat dalam kajian sebenar (Chua, 2011). Seramai 32 orang murid mengambil bahagian dalam kajian rintis ini. Keputusan kajian rintis seperti mana dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

### Kesahan

Keputusan analisis kajian rintis menunjukkan variable kajian bertaburan normal dan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Keputusan analisis kajian rintis*

Variabel	Skewness Statistk	Std. Error	Kurtois Statistik	Std. Error
Kompetensi Guru	-.378	.414	-.269	.809

### Kebolehpercayaan

Menurut Chua (2014) pekali alfa Cronbach digunakan untuk menilai konsistensi dalaman. Sehubungan dengan itu, mana-mana item berada dalam lingkungan antara .65 hingga .95 dianggap memuaskan (Chua, 2014). Skor penilaian pekali alfa Cronbach dapatan kajian rintis ini adalah tinggi. Nilai pekali alfa Cronbach  $\alpha = .947$  manakala nilai *Cronbach's Alpha Based on Standardized Items*  $\alpha = .972$  dan ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

*Skor penilaian cronbach's alpha kajian rintis*

	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items
Kompetensi Guru	.947	.972

### DAPATAN KAJIAN

Analisis dapatan kajian kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar seperti yang digariskan dalam soalan kajian ditunjukkan seperti di bawah:

#### Tahap empat komponen kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar

Keputusan analisis dalam Jadual 3 di bawah menunjukkan bahawa berdasarkan skala pengukuran 0 hingga 10, kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah di Kuala Lumpur adalah tinggi (min = 7.07, S.P. = 1.99). Komponen peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP dalam membentuk sahsiah pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah di Kuala Lumpur merupakan komponen yang paling tinggi dalam kalangan kompetensi guru (min = 7.34, S.P. = 2.17). Ini diikuti komponen komitmen guru mengajar dalam proses PdP (min = 7.07, S.P. = 2.18); komponen kemahiran guru membentuk sahsiah (min = 6.99, S.P. = 2.06) dan komponen guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP (min = 6.99, S.P. = 2.11).

Jadual 3

*Nilai min dan sisihan piawai bagi Kompetensi Guru (Kemahiran Membentuk Sahsiyah, Guru Sebagai Pemudahcara Dalam Proses PdP, Komitmen Guru Mengajar Dalam Proses PdP dan Peranan Guru Mewujudkan Motivasi Pelajar Dalam Proses PdP) Dalam Membentuk Sahsiyah Pelajar*

Kompetensi Guru	Min	Sisihan Piawai
	7.07	1.99
1. Kemahiran Membentuk Sahsiyah Pelajar	6.99	2.06
2. Guru Sebagai Pemudahcara Dalam Proses PdP	6.99	2.11
3. Komitmen Guru Mengajar Dalam Proses PdP	7.07	2.18

4. Peranan Guru Mengwujudkan Motivasi Pelajar Dalam Proses PdP	7.34	2.17
--	------	------

### Hubungan antara kompetensi guru dengan empat komponennya

Hubungan antara kompetensi guru dengan empat komponennya dianalisis melalui dua cara, iaitu: (i) dengan menggunakan ujian korelasi Pearson ( $r$ ) untuk melihat inter-korelasi antara kompetensi guru dengan empat komponennya, dan (ii) dengan menggunakan ujian regresi pelbagai untuk melihat sumbangan keempat-empat komponen berkenaan kepada kompetensi guru.

#### i. Dapatan analisis ujian korelasi Pearson ( $r$ ) untuk melihat Inter-korelasi antara kompetensi guru dengan empat komponennya

Analisis perhubungan antara kompetensi guru dengan empat komponennya dilakukan untuk mengenal pasti sama ada keempat-empat komponen tersebut mewakili konsep kompetensi guru. Bagi tujuan ini, analisis ujian korelasi Pearson ( $r$ ) dan Regresi pelbagai dilakukan. Jadual 5 menunjukkan korelasi antara kompetensi guru dengan empat komponennya.

Jadual 5

*Korelasi Antara Kompetensi Guru Dengan Empat Komponennya*

Korelasi Pearson ( $r$ )	Kompetensi Guru	Kemahiran Guru Membentuk Sahsiah	Guru Sebagai Pemudahcara Dalam Proses PdP	Komitmen Guru Mengajar Dalam Proses PdP	Peranan Guru Mewujudkan motivasi Pelajar Dalam Proses PdP
	1				
	.960**	1			
	.954**	.937**	1		
	.935**	.844**	.830**	1	
	.878**	.779**	.776**	.796**	1

Keputusan dalam Jadual 5 menunjukkan terdapat perhubungan yang sangat kuat antara kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar dengan empat komponennya, iaitu kemahiran guru membentuk sahsiah ( $r = .960$ ,  $p < .05$ ); guru sebagai pemudahcara ( $r = .954$ ,  $p < .05$ ); komitmen guru mengajar dalam proses PdP ( $r = .935$ ,  $p < .05$ ) dan peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP ( $r = .878$ ,  $p < .05$ ).

Dapatan kajian juga menunjukkan kompetensi guru mewujudkan hubungan yang positif pada aras signifikan 0.01 (2-tailed). Antara keempat-empat komponen peranan kompetensi guru ini, nilai

korelasi berada pada aras antara .776 dan .960. Komponen kemahiran membentuk sahsiah merupakan komponen kompetensi guru yang mempunyai hubungan yang paling kuat dengan nilai korelasi setinggi ( $r = 0.960$ ). Ini diikuti guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP ( $r = .954$ ); komitmen guru dalam proses PdP ( $r = .935$ ) dan komponen peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP ( $r = .878$ ).

**ii. Dapatan ujian regresi pelbagai untuk melihat sumbangan keempat-empat komponen terhadap kompetensi guru**

Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis regresi pelbagai bagi sumbangan empat komponen kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah di Kuala Lumpur.

Jadual 6

*Keputusan analisis regresi Kompetensi Guru Membentuk Sahsiyah Pelajar*

Model	R	R Square	Peramal	Beta ( $\beta$ )	df1, df2	F
1	.960 <sup>a</sup>	.921	Kemahiran membentuk sahsiah	.960*	1, 295	3459.400
2	.988 <sup>b</sup>	.975	Kemahiran membentuk sahsiah	.594*	2,294	5810.764
			Komitmen guru mengajar dalam proses PdP	.433*		
3	.954 <sup>c</sup>	.909	Kemahiran membentuk sahsiah	.954*	3, 293	5838.414
			Komitmen guru mengajar dalam proses PdP	.461*		
			Guru sebagai Pemudah cara dalam proses PdP	.571*		
3	1.000 <sup>d</sup>	1.000	Kemahiran membentuk sahsiah	.594*	4, 292	1748.963
			Komitmen guru mengajar dalam proses PdP	.646*		
			Guru sebagai Pemudah cara dalam Proses PdP	.571*		
			Peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP	.363*		

Nota:

(1)Dependent Variable: Kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar

a. Predictors: (Constant), kemahiran membentuk sahsiah

b. Predictors: (Constant), kemahiran membentuk sahsiah, komitmen guru mengajar dalam proses PdP

c. Predictors: (Constant), kemahiran membentuk sahsiah, komitmen guru mengajar dalam proses PdP, guru sebagai pemudah cara dalam proses PdP

d. Predictors: (Constant), kemahiran membentuk sahsiah, komitmen guru mengajar dalam proses PdP, guru sebagai pemudah cara dalam proses PdP, peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP

(2)\* Signifikan pada  $p < .05$

(3) Saiz kesan:  $\beta = .10 - .29$  bererti saiz kesan kecil;  $\beta = .30 - .49$  bererti saiz kesan sederhana;  $\beta = .50$  dan ke atas bererti saiz kesan besar (Cohen, 1988)

Keputusan analisis regresi pelbagai dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa bagi populasi kajian (saiz sampel = 297), empat pemboleh ubah peramal, iaitu Kemahiran Membentuk Sahsiah, Guru sebagai Pemudah cara dalam Proses PdP, Komitmen guru mengajar dalam proses PdP dan Peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP merupakan peramal bagi skor Indeks Kompetensi Guru Membentuk Sahsiah Pelajar. Keempat-empat komponen kompetensi guru secara signifikan menyumbangkan kepada kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar.

Secara ringkas, faktor utama kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar ialah komitmen guru mengajar dalam proses PdP, diikuti dengan kemahiran membentuk sahsiah, guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP dan akhir sekali peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Formula model regresi yang diperolehi daripada analisis ialah:

$$\text{Kompetensi Guru} = .646 (\text{Komitmen guru mengajar dalam proses PdP}) + .594 (\text{Kemahiran membentuk sahsiah}) + .571 (\text{Guru sebagai pemudah cara dalam proses PdP}) + .363 (\text{Peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP})$$

Ini bererti komitmen guru mengajar dalam proses PdP merupakan penyumbang utama dalam menentukan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Satu unit perubahan dalam komitmen guru mengajar dalam proses PdP menyumbang kepada .646 unit perubahan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Ia diikuti dengan kemahiran membentuk sahsiah yang merupakan penyumbang kedua terpenting dalam menentukan peranan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Satu unit perubahan dalam kemahiran membentuk sahsiah menyumbang kepada .594 unit perubahan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Manakala guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP merupakan penyumbang ketiga terpenting dalam menentukan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Satu unit perubahan dalam guru sebagai pemudahcara dalam proses PdP menyumbang kepada .571 unit perubahan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Sementara peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP merupakan penyumbang keempat terpenting dalam menentukan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Satu unit perubahan dalam peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP menyumbang kepada .363 unit perubahan kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, keempat-empat komponen kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar mempunyai tahap signifikan yang seimbang. Kesemua keempat-empat komponen kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar mempunyai hubungan dengan peranan membentuk sahsiah pelajar yang tinggi dan signifikan.

Dari aspek kemahiran membentuk sahsiah pelajar, hasil kajian ini mendapati kemahiran membentuk sahsiah mempunyai hubungan yang paling kuat dibandingkan dengan keempat-empat komponen kompetensi guru dengan nilai korelasi yang tinggi. Ini bererti kemahiran membentuk sahsiah merupakan peranan kompetensi guru dalam membentuk sahsiah pelajar di sekolah-sekolah di Kuala Lumpur amat signifikan. Faktor ini didapati selaras dengan hasil kajian Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah (2007) yang mendapati guru merupakan pihak yang bertanggungjawab membentuk budaya sekolah yang positif di mana hasilnya terbentuk dalam lingkungan pelajar yang dikaitkan sebagai produk sesebuah sekolah. Hasil kajian ini juga didapati menyokong dapatan kajian Anita Abu Hasan, Mohd Isa Hamzah dan Mohd Mahzan Awang (2014)



yang mendapati proses memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan pensyarah mempunyai perkaitan dengan pengetahuan yang dimilikinya di mana pengetahuan tentang kurikulum dan pedagogi nilai-nilai murni merupakan prasyarat dalam proses penerapan nilai-nilai murni tersebut. Hasil kajian ini juga didapati selaras dengan kajian Mohd Khairi dan Asmawati (2010) yang menegaskan bahawa memang menjadi tanggungjawab guru untuk menerapkan nilai-nilai sahsiah dengan berkesan agar pelajar dapat dibentuk menjadi masyarakat yang bermoral, sosial dan kerohanian yang tinggi.

Manakala dari aspek kemahiran pemudahcara, hasil kajian ini mendapati kemahiran pemudahcara dalam kalangan guru membentuk sahsiah pelajar merupakan komponen kedua terkuat dalam kalangan keempat-empat komponen kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Ini bererti peranan kompetensi guru sebagai pemudahcara amat berperanan dalam proses membentuk sahsiah pelajar. Hasil kajian ini didapati menyokong hasil kajian Galajda (2012) yang menjelaskan guru telah menjadi sebagai sebahagian daripada anggota untuk mewujudkan suasana bilik darjah menjadi kondusif untuk belajar. Hasil kajian ini juga didapati selaras dengan dapatan kajian Ahmad dan Neilson (2015) di mana guru perlu menggunakan strategi PdP yang pelbagai untuk menghindarkan rasa bosan pelajar dalam PdP agar kemerosotan dalam pembelajaran dapat dihindarkan. Ini juga disokong oleh Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abd. Razak (2010) di mana guru perlu memiliki ciri-ciri guru berkualiti agar dapat mempertingkatkan komitmen pelajar dalam pembelajaran sekali gus dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar.

Sementara dari aspek komitmen mengajar pula, hasil kajian ini menunjukkan bahawa komitmen mengajar dalam proses PdP dalam kalangan guru membentuk sahsiah pelajar merupakan komponen ketiga terkuat dalam kalangan keempat-empat komponen kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Ini membuktikan bahawa guru-guru mempunyai komitmen yang tinggi dalam membentuk sahsiah pelajar. Hasil kajian ini menyokong hasil kajian Meyer dan Allen (1991) yang mana melalui komitmen guru didapati telah memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk sahsiah pelajar. Hasil kajian ini juga menyokong kajian Zainal dan Mohd.Sharani (2006) yang menjelaskan bahawa tiada siapa yang dapat menafikan tentang kebolehan guru mengajar pelajar kerana mengajar memang bidang tugas mereka. Apa yang jelas, proses pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar amat bergantung kepada kompetensi guru. Hasil kajian ini juga menyokong kajian Robiah (2011) yang mendapati bahawa walau bagaimana baik sekali pun kurikulum yang dibina, tanpa penglibatan guru secara berkesan tidak akan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kefahaman dan amalan sahsiah yang diharapkan. Faktor ini disokong oleh Kalaiselvi Ettikan, Nur Surayyah Madhubala Abdullah dan Umi Khalthom Abdul Manaf (2015) yang menegaskan bahawa guru perlu mempunyai pemahaman yang kukuh tentang konsep asas pembentukan sahsiah bagi membolehkan guru memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah pelajar kerana konsep ini begitu kompleks.

Dari aspek peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP, hasil kajian ini juga mendapati bahawa peranan guru mewujudkan motivasi pelajar dalam proses PdP merupakan komponen yang mempunyai hubungan yang juga kuat dalam keempat-empat komponen kompetensi guru membentuk sahsiah pelajar. Ini membuktikan bahawa guru-guru mempunyai keupayaan yang tinggi dalam mewujudkan motivasi pelajar dalam usaha membentuk sahsiah pelajar-pelajar tingkatan empat sekolah-sekolah di Kuala Lumpur. Hasil kajian ini didapati selaras dengan Habegger (2008) di mana faktor membina hubungan positif dalam budaya sekolah dapat memotivasikan pelajar untuk hadir ke sekolah kerana keprihatian yang mereka terima daripada guru menjadi faktor pendorong kepada pelajar. Hasil kajian ini juga didapati menyokong hasil kajian Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj. Johari, Ag Yusof Ag Chuchu dan Hamzah Laji (2014) yang mendapati guru perlu menghindarkan halangan-halangan dalam hubungan dengan pelajar kerana terdapat hubungan negatif yang signifikan antara komunikasi guru dalam bilik darjah dengan tingkah laku delikuen pelajar.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, kompetensi guru didapati memainkan peranan yang penting dalam membentuk sahsiah pelajar. Ini menunjukkan bahawa guru telah memainkan peranan yang terbaik dalam membentuk sahsiah pelajar bagi mengekang masalah salah laku disiplin dalam kalangan pelajar. Perlu diingat seorang guru menguruskan antara 35-40 orang pelajar sekelas dari latar belakang yang berbeza. Sewajarnya, ibu bapa harus faham dan memainkan peranan yang dapat membantu dan menyokong guru dalam usaha menjadikan seseorang pelajar itu seimbang dalam kecemerlangan akademik dan sahsiah.

## RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed dan Abdul Ghani Abdullah. (2007). *Guru sebagai pemimpin*. Batu Cave: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Ahmad Anuar dan Neilson Jingga. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, April, 3,2,1-11. Diakses dari [juku.um.edu.my/filebank/published\\_article/7376/Artikel\\_5\\_Bil\\_3\\_Isu\\_2.pdf](http://juku.um.edu.my/filebank/published_article/7376/Artikel_5_Bil_3_Isu_2.pdf)
- Amlah Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud dan Abd. Aziz Mahyuddin. (2010). Peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35, 2, 9-17.
- Anita Abu Hasan, Mohd Isa Hamzah & Mohd Mahzan Awang. (2014). Inculcating noble values for pre-service teachers. *International Education Studies*,7,11,111-119. Diakses dari [files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1671020.pdf](http://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1671020.pdf)
- Chua, Y.P. (2014). *Asas statistik penyelidikan* (Edisi ke3). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah penyelidikan* (Edisi Ke2), Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2<sup>nd</sup> ed.). Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education* (7<sup>th</sup> ed.). London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Dailey, A. (2009). *Key motivational factors and how teachers can encourage motivation in their students. Module 2 assesment task*. University of Birmingham. Diakses dari [www.birmingham.ac.uk/Documents/college-artslaw/cels/essays/secondlanguage/DailySLAkeyMotivationalFactorsandHowTeachers.pdf](http://www.birmingham.ac.uk/Documents/college-artslaw/cels/essays/secondlanguage/DailySLAkeyMotivationalFactorsandHowTeachers.pdf)
- DeVellis, R.F. (2003). *Scale development: Theory and application* (2<sup>nd</sup> ed.). Applied social research methods series volume 26. Thousand Oaks, California: Sage publications, inc.
- Ee, A.H. (1998). *Pendidikan di Malaysia II* (Semester V). Shah Alam: Penerbit Fajar bakti Sdn. Bhd.
- Fox, R.B. (1964). The committed teacher. *Educational Leadership*, October, 18-20 & 72. Diakses melalui [www.ascd.org/ASCD/pdf/journal/ed\\_lead/el\\_196410\\_fox.pdf](http://www.ascd.org/ASCD/pdf/journal/ed_lead/el_196410_fox.pdf)
- Galajda, D. (2012). Teacher's action zone in facilitating group dynamics. *Lingvarena*, 3, 89-101. Diakses dari [ler.letras.up.pt/uploads/ficheiros/10951.pdf](http://ler.letras.up.pt/uploads/ficheiros/10951.pdf)
- Habegger, S. (2008). The Principal's role in successful schools: creating a positive school culture. *Principal*. September/October, 42-46.
- Hamidah Wok Awang & Normah Teh. (2009). *Sekolah sebagai pembangunan modal insan*. Batu Cave: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Harden, R. M., & Crosby, J. (2000). The good teachers more than a lecturer: The twelve roles of the teacher. *Medical Teacher*, 22, 4, 334-347.
- Hussein Mahmood. (2008). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah* (Edisi Ke2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- James Ang, J. E. (2007). *Pengurusan disiplin murid*. Batu Cave: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Kalaiselvi Ettikan, Nur Surayyah Madhubala Abdullah & Umi Khalthom Abdul Manaf. (2015). Guru cemerlang pendidikan moral: keperluan menguasai aspek kandungan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan moral dan implikasinya. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1, 2, November, 1-8. Diakses dari [www.injet.upm.edu.my/images/journal/issue2/Guru%20Cemerlang%20Pendidikan%20Moral%20Keperluan%20Menguasai%20Aspek%20Kandungan%20Menguasai%20dala](http://www.injet.upm.edu.my/images/journal/issue2/Guru%20Cemerlang%20Pendidikan%20Moral%20Keperluan%20Menguasai%20Aspek%20Kandungan%20Menguasai%20dala)
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*, 30,608.
- Mart, C.T. (2013). A passionate teacher: Teacher commitment and dedication to student learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, January, Vol. 2, No. 1: 437-442. Diakses dari [www.hrmar.com/admin/pics/1658.pdf](http://www.hrmar.com/admin/pics/1658.pdf)
- Meyer, J.P., & Allen, N.J. (1991). The three-component conceptualization of organizational commitment. *Human Resource Management Review*, 1,1,61-89. Diakses dari [https://www.researchgate.net/publication/222453827\\_A\\_Three-Component\\_Model\\_Conceptualization\\_of\\_Organization\\_Commitment](https://www.researchgate.net/publication/222453827_A_Three-Component_Model_Conceptualization_of_Organization_Commitment)
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 11, 117-130. Diakses dari [www.myjournal.my/filebank/published\\_article/23385/Artikel\\_9.pdf](http://www.myjournal.my/filebank/published_article/23385/Artikel_9.pdf)
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip. (2013). *Nota dan aktiviti sendiri modul kaunseling motivasi berjaya ke universiti: modul dan aktiviti sendiri mencipta kejayaan ke universiti*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, 131-142.
- Mohd. Ismail Othman. (2006). *Menangani disiplin di sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj. Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Hamzah Laji. (2014). Komunikasi guru dalam bilik darjah dan tingkah laku delikuen murid sekolah menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*,5,59-77. Diakses dari [file:///C:/Users/USER/Downloads/jpp5\\_4%20\(1\).pdf](file:///C:/Users/USER/Downloads/jpp5_4%20(1).pdf)
- Noor Khairiyati Mohd. Ali. (2005). Realiti semasa masalah disiplin pelajar. *Dewan Masyarakat*, April, 24-26.
- Ortquist-Ahrens, L., & Torosyan, R. (t.t). The role of the facilitator in faculty learning communities: Paving the way for growth, productivity, and collegiality. *Learning Communities Journal*, 1, 1, 29-62. Diakses dari <file:///C:/Users/Zaki/Downloads/v1n1-Ortquist-Ahrens+Torosyen.pdf>
- Palmer, P.J. dan Scribner, M. (2007). *The courage to teach guide for reflection and renewal*. 10<sup>th</sup> ed. San Francisco: John Wiley and Sons, Inc.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. (2011). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Robiah K. Hamzah. (2011). *Nilai murni dalam pengajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd. Razak. (2010). Hubungan guru-pelajar dan kaitannya dengan komitmen pelajar belajar: Adakah guru berkualiti menghasilkan perbezaan pembelajaran antara jantina pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35, 2, 61-69. Diakses dari [www.ukm.my/jurpend/Jilid%2035%281%29%202010%20Bab%205.1.pdf](http://www.ukm.my/jurpend/Jilid%2035%281%29%202010%20Bab%205.1.pdf)
- Roziah Sidek, Zulkarnain Mohamed & Nasruddin Yunos. (2011). *Pengajian Islam* (Edisi Ke2). Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rubio, C.M. (2009). Effective teachers—professional and personal skills. *ENSAYOS. Revista de la Facultad de Education de Albacete*, 24, 35-46. Diakses dari [www.uclm.es/ab/education/ensayos/ensayos24/pdf/24\\_4.pdf](http://www.uclm.es/ab/education/ensayos/ensayos24/pdf/24_4.pdf)
- Samat Buang. (2004). Masalah pelanggaran disiplin pelajar: Punca dan strategi. *Fokus*, Januari, 11-15.
- Shaharom TM Sulaiman. (2001). *Realiti dan ilusi kehidupan maya dalam era siber*. Batu Cave: Mahzun Book Services.

- Shaughnessy, J.J., & Zechmeister, E.B. (1990). *Research methods in psychology* (2<sup>nd</sup> ed.). New York: McGraw-Hill Publishing Co.
- Zahorcova, E., Klierova, M., Podaril, M., dan Hrmo, R. (2012). The importance of development students' skills and teachers' competencies. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 47: 1329-1334.
- Zainal Madon dan Mohd.Sharani Ahmad. (2006). *Panduan mengurus remaja moden*. Bentong: PTS Professional Sdn.Bhd.
- Zuraidah Abdul Rahman. (2005). *Fasitator kelompok kecil* (Cetakan Ke2). Petaling Jaya: IBS Buku Sdn.Bhd.